**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**
**27 OGOS 2019 (SELASA)**

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Harian Metro** | |
| - Plogging kumpul bahan kitar semula | 23 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>27 OGOS 2019 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Harian Metro |
| Tajuk Berita | Plogging kumpul bahan kitar semula |
| Muka Surat | 23 |

# Plogging kumpul bahan kitar semula

**Kuala Lumpur:** Lebih 200 komuniti Taman Bukit Indah, Ampang mengadakan program *plogging* dan kibarkan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos ini.

Majlis perasmian disempurnakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin.

Penduduk bergotong-royong membersihkan kawasan dan berjaya mengumpul pelbagai barangan kitar semula.

Pada program itu, penduduk mengumpul 140 kilogram (kg) membabitkan barangan seperti plastik, kotak, kertas, besi dan aluminium yang dijual kepada vendor Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Antara yang terbabit dalam program itu ialah Team Selangor, ahli jawatankuasa pengelola, pelajar Kolej Komuniti Ampang, agensi kerajaan dan peniaga serta penduduk.



PROGRAM plogging dan kibarkan Jalur Gemilang Komuniti Bukit Indah, Ampang bersama Zuraida.